



# SIARAN MEDIA

## PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

### “PTPTN KOMITED MELAKSANAKAN MANIFESTO KERAJAAN”

1. **Kuala Lumpur, 26 Jun 2018** - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengadakan sidang media bagi **menjelaskan isu semasa** berkenaan **bayaran balik pinjaman PTPTN** yang merupakan **manifesto Kerajaan** untuk **meringankan beban hidup yang ditanggung oleh anak muda** iaitu :
  - a) **Mengeluarkan nama peminjam daripada senarai hitam Jabatan Imigresen;** dan
  - b) **Menangguhkan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang berpendapatan RM4,000 ke bawah sebulan.**
2. Selain itu, PTPTN turut menjelaskan berkenaan **isu pinjaman PTPTN** hanya untuk penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BRIM) yang **tular di media sosial** baru-baru ini.
3. Sidang media tersebut telah disampaikan oleh **Yang Berbahagia Encik Wan Saiful bin Wan Jan** iaitu **Pengerusi PTPTN yang baharu.**

### **BEBAS SENARAI HITAM IMIGRESEN**

4. PTPTN dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah **berjaya menyenarai putih seramai 429,945 peminjam PTPTN** daripada senarai hitam. Proses ini dilaksanakan **secara beperingkat semenjak 24 Mei yang lalu dan telah selesai sepenuhnya pada 8 Jun 2018.** Proses ini **berjaya diselesaikan seminggu lebih awal** berbanding jangkaan awal penyelesaiannya pada 15 Jun 2018.
5. Dengan pelaksanaan tersebut, seramai **1.8 juta peminjam PTPTN yang patut membuat bayaran balik, layak untuk ke luar negara, memperbaharui passport dan membuat passport baharu tanpa sebarang sekatan Jabatan Imigresen.** Ini sekali

gus menepati janji 100 hari manifesto Kerajaan kepada masyarakat Malaysia yang merupakan peminjam PTPTN. Sehubungan itu, **Kaunter PTPTN di KLIA 2 akan ditutup sepenuhnya mulai 1 Julai 2018** sebagai simbolik tiada lagi keperluan untuk pelepasan senarai hitam Jabatan Imigresen.

6. Sebelum ini, PTPTN melaksanakan penguatkuasaan senarai hitam imigran selaras dengan **Peruntukan Seksyen 22A, Akta PTPTN 1997 [AKTA 566]** yang membenarkan PTPTN menyenarai hitam peminjam dengan kerjasama JIM. Melalui penguatkuasaan ini sehingga 31 Mei 2018, kira-kira seramai **1 juta peminjam PTPTN** telah disenaraihitam. Daripada jumlah tersebut seramai **684,233 peminjam** telah membuat bayaran balik pinjaman melibatkan **RM2.0 bilion**.
7. Walaupun senarai hitam imigran telah dimansuhkan, namun **peminjam PTPTN dinasihatkan untuk terus menanam budaya suka membayar balik serta mengelakkan sikap suka menanggung-nanggungkan pembayaran selaras dengan tuntutan semua agama yang menuntut untuk kita menyegerakan bayaran balik sesuatu pinjaman.**
8. **Pembayaran yang berterusan dan konsisten juga amat penting bagi mengelakkan rekod buruk peminjam PTPTN di dalam rekod kredit Bank Negara iaitu *Central Credit Reference Information System (CCRIS)* kerana tidak membuat bayaran balik pinjaman PTPTN. Ini kerana sekiranya bayaran tidak dibuat oleh peminjam, maka pinjaman peribadi, perumahan, kereta dan seumpamanya sukar diperoleh memandangkan institusi kewangan menilai tahap kredit peminjam melalui CCRIS sebelum sebarang permohonan atau urusan pinjaman diluluskan. Bagi peminjam PTPTN yang membuat pembayaran yang baik dan konsisten, laporan kredit CCRIS akan membantu mereka dalam memohon kelulusan sebarang pinjaman baharu.**
9. Selain itu, dengan membuat pembayaran lebih awal, peminjam PTPTN akan dapat **menjimatkan Ujrah 1%** dan mampu menikmati **diskaun 20% dan 10%** yang disediakan PTPTN. **Budaya membayar balik ini amat penting kerana bayaran balik yang diterima akan menjamin kelangsungan untuk memberi pinjaman kepada generasi akan datang.**

## **PENANGGUHAN BAYARAN BALIK**

10. Mengenai manifesto untuk **menangguhkan bayaran balik pinjaman PTPTN kepada semua peminjam yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan akan dilaksanakan setelah kajian yang lebih teliti selesai dilaksanakan. PTPTN akan terus komited melaksanakan manifesto Kerajaan ini sebagaimana yang telah dijanjikan. Manifesto ini dijanjikan akan dilaksanakan dalam tempoh 100 hari Kerajaan baharu. Sehingga kini 48 hari telah berlalu dengan pelbagai tindakan dan perbincangan bersama pihak berkepentingan dan masih berbaki 52 hari lagi sebelum mencapai 100 hari bagi pelaksanaannya.**
  
11. Ketika ini, **usaha sedang giat dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan PTPTN untuk mengenalpasti maklumat pendapatan peminjam dan berharap mendapat kerjasama agensi lain seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).**
  
12. Justeru, **peminjam PTPTN diminta untuk bersabar sehingga pengumuman pelaksanaannya diwar-warkan kelak. Para peminjam dinasihatkan untuk meneruskan pembayaran balik yang telah dilakukan secara konsisten sebelum ini dan memulakan bayaran balik walaupun gaji belum mencecah RM4,000 sebulan.**
  
13. Tambahan pula **pembayaran pinjaman PTPTN boleh dilaksanakan dengan mudah mengikut kemampuan kewangan peminjam sehingga peminjam berumur 60 tahun melalui Kempen #BolehBincang. Oleh itu, PTPTN mengharapkan lebih ramai peminjam untuk tampil berbincang dan berunding berkaitan pembayaran balik pinjaman mereka. Segala permasalahan dapat diselesaikan dengan baik melalui perbincangan. Setelah rundingan selesai, mereka juga perlu membuat bayaran balik bulanan secara konsisten agar permasalahan tidak lagi berlaku.**
  
14. Peminjam adalah **digalakkan membuat bayaran balik tanpa tunai (*cashless*) sama ada melalui potongan gaji, *direct debit*, perbankan internet atau melalui kad debit di kaunter PTPTN.**

## **PINJAMAN PTPTN UNTUK SEMUA**

15. Baru-baru ini telah tular di media sosial menyatakan bahawa telah ada satu syarat baharu untuk sesiapa yang mahu meminjam PTPTN iaitu ibu bapa mestilah penerima BRIM.
  
16. Kenyataan ini adalah tidak benar dan palsu. Ini kerana pinjaman PTPTN adalah terbuka kepada semua pelajar warganegara Malaysia yang berhasrat menyambung pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara tanpa mengira pendapatan penjaga atau hanya penerima BRIM.
  
17. Orang ramai dinasihatkan mendapatkan informasi yang tepat berkenaan PTPTN melalui media baharu rasmi PTPTN, portal rasmi [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau talian *Careline* di 03- 2193 3000.